



PROSEDUR BARU SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN PERINGKAT NEGERI JOHOR

**UNIT HIV/STI & HEPATITIS C
BAHAGIAN KESIHATAN AWAM.
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

Surat Edaran Berkaitan Penggunaan Borang Ujian Saringan
Pra Perkahwinan Yang Selaras Bagi Negeri-negeri Dan
Kemaskini Prosedur Ujian Saringan Hiv Pra Perkahwinan Di
Klinik Kesihatan
oleh
Pengarah Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 1 Disember 2020
nombor rujukan KKM.600-29/4/120 JLD2 (85)



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/120 JLD2 (85)
Tarikh : 1 Disember 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN BERKAITAN PENGGUNAAN BORANG PERMOHONAN
UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN YANG SELARAS BAGI
NEGERI-NEGERI DAN KEMASKINI PROSEDUR UJIAN SARINGAN HIV
PRA PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jawatankuasa Kabinet Mengenai AIDS yang bersidang pada 18 Disember 2008 telah memutuskan agar ujian saringan HIV bagi bakal pengantin di kalangan orang Islam dilaksanakan secara wajib mulai tahun 2009, manakala bagi agama-agama lain ianya adalah digalakkan. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan telah dikeluarkan melalui pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bil 5/2009.

3. Namun begitu, pada tahun lepas telah berlaku satu kes *medicolegal* yang disebabkan oleh kecuaiannya anggota kesihatan. Punca kecuaiannya yang dikenal pasti adalah diringkaskan seperti di bawah:

(i) Penggunaan borang permohonan ujian saringan HIV pra-perkahwinan yang tidak seragam terutamanya melibatkan borang-borang yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sendiri. Ini telah menimbulkan kekeliruan kepada anggota kesihatan yang melaksanakan ujian sehingga menyebabkan kecuaiannya teknikal.

(ii) Bakal pengantin telah menyembunyikan status ujian saringan HIV 'reaktif' daripada pasangannya dan pandangan umum meletakkan tanggungjawab memberitahu keputusan saringan kepada Pengamal Perubatan.

Edaran di peringkat negeri Johor telah dibuat pada
20 Disember 2020
nombor rujukan JKNJ (K) 30(4)/156 Jld 4(52)



JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
Bahagian Kesihatan Awam
Jalan Persiaran Permai
81200 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

TEL : 07-2356136 / 2269 / 2362279
FAKS : 07-2356221 / 07-2363305
Portal Rasmi : <http://jknjohor.moh.gov.my>

"Sila catitkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan :
Ruj.Kami : JKNJ(K) 30(4)/156 Jld.4 (52)
Tarikh : 20 Disember 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

TAKLIMAT SURAT EDARAN BERKAITAN PENGGUNAAN BORANG UJIAN SEMINGANI PRA PERKAHWINAN YANG SELARAS BAGI NEGERI-NEGERI DAN KEMASKINI PROSEDUR UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 1 Disember 2020 nombor rujukan KKM.600-29/4/120 JLD2 (85) adalah berkaitan.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemaskini prosedur ujian saringan HIV Pra Perkahwinan di Klinik Kesihatan yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021. Bersama-sama ini dilampirkan surat edaran yang berkaitan untuk maklumat dan tindakan pihak tuan (Lampiran C).

3. Bagi penyelarasan peringkat Negeri Johor, satu sesi taklimat atas talian akan diadakan pada ketentuan seperti berikut:

Tarikh : 28 Disember 2020
Masa : 9.00 pagi - 11.00 pagi
Meeting ID : Sila lihat di Lampiran B

4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak tuan dapat turut serta dan memberi pelepasan kepada semua pegawai yang terlibat samada di peringkat daerah dan klinik kesihatan terutama kategori pegawai seperti di Lampiran A bagi menyertai sesi taklimat tersebut. Ini adalah memastikan seramai mungkin pegawai di lapangan mendapat maklumat yang tepat memandangkan sesi yang akan diadakan adalah secara atas talian. Dimohon pada peserta taklimat untuk mematuhi tatacara taklimat seperti di Lampiran B.

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Dr Nurawati Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit HIV/STI/Hep C Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 0197772971. Segala kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SHAHAROM NOR AZIAN BINTI CHE MAT DIN) MMC 27472
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Drnurawati@jknjohor.gov.my



LATAR BELAKANG

Saringan HIV Pra-Perkahwinan telah diperkenalkan sejak awal tahun 2001 bermula di negeri Johor sebagai negeri pertama melaksanakannya.

Pada 2018, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan agar individu mengetahui status HIV diri terutamanya di kalangan yang berisiko tinggi dijangkiti HIV serta menyarankan agar kaunseling dan ujian saringan adalah kunci utama pencegahan, rawatan dan penjagaan yang berkesan (the right to know, new approaches to HIV testing and counselling)

LATAR BELAKANG

- Jawatankuasa Kabinet Mengenai AIDS yang bersidang pada 18 Disember 2008 telah memutuskan agar ujian saringan HIV bagi bakal pengantin di kalangan orang Islam dilaksanakan secara wajib mulai tahun 2009, manakala bagi agama-agama lain ianya adalah digalakkan.
- Bagi tujuan penyeragaman, Garis Panduan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bil 5/2009 (rujukan bil.(12) dlm. KKM-171/BKP/07/35/0519 JLD 2) berkuatkuasa pada 1 Mei,2009



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : ismailmerican@moh.gov.my

RUJ. TUAN :
RUJ. KAMI : Bil. (12) dlm. KKM-171/BKP/07/35/0519 JLD. 2
TARIKH : 12 Mei 2009

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 5/2009;
GARISPANDUAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan agar individu mengetahui status HIV diri terutamanya di kalangan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti HIV. Mereka juga menyarankan agar kaunseling dan ujian saringan adalah kunci utama kepada pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV yang berkesan (rujukan WHO/HIV/2003.08; *The right to know, new approaches to HIV testing and counselling*).
3. Jawatankuasa Kabinet Mengenai AIDS yang telah bersidang pada 18 Disember 2008 telah memutuskan agar ujian saringan HIV bagi bakal pengantin di kalangan orang Islam dilaksanakan secara wajib mulai tahun 2009. Bagi bakal pengantin bukan Islam pula, mereka adalah digalakan untuk menjalani ujian saringan HIV tersebut.
4. Tujuan utama ujian saringan ini adalah bagi membolehkan mereka yang berisiko mengetahui status HIV dirinya. Di samping itu, mereka yang telah dijangkiti HIV akan diberikan pendidikan kesihatan, kaunseling, rawatan dan tindakan susulan bagi

ADUAN DAN ISU

- 1) Pada Disember 2019 telah berlaku satu aduan kes *medicolegal* yang berpunca daripada penggunaan borang permohonan ujian saringan HIV pra-perkahwinan yang tidak seragam;
 - Melibatkan borang-borang yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sendiri.
 - Menimbulkan kekeliruan kepada anggota kesihatan yang melaksanakan ujian sehingga menyebabkan kecuaiian teknikal.

- 2) Disamping itu, bakal pengantin telah menyembunyikan status ujian saringan HIV 'reaktif' daripada pasangannya dan pandangan umum meletakkan tanggungjawab memberitahu keputusan saringan kepada Pengamal Perubatan.

APAKAH TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL?



Penambahbaikan yang telah dipersetujui

1. Penyeragaman Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan
2. Pemberitahuan Keputusan Ujian Saringan HIV Kepada Bakal Pasangan
3. Kemaskini Carta Alir Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan Di Klinik Kesihatan

Kuatkuasa bermula 1 Januari 2021



1.

PENYERAGAMAN BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN

Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan

NO SIRI:

PERCUMA

KKM



BORANG KKM/HIV/SPP01/09

SULIT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN

BAHAGIAN I (DIISI OLEH PEMOHON)

MAKLUMAT PEMOHON

NAMA :

ALAMAT:

POSKOD

BANDAR

NO K/PENGENALAN

PASPOT

NO TEL

TEL BIMBIT

UMUR

BANGSA

WARGANEGARA

JANTINA:

TARIKH :

TANDATANGAN PEMOHON :

BAHAGIAN II (DILENGKAPKAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)

Saya, pengamal perubatan seperti nama yang dinyatakan di bawah telah membuat ujian saringan HIV ke atas Encik /Cik _____ pada _____ di Klinik Kesihatan _____.

Tarikh :

Tandatangan

Nama & Cop Jawatan:

Catatan :

Tempoh sah laku pengesanan ujian saringan HIV adalah selama 6 bulan dari tarikh ujian saringan dilakukan

Borang KKM- 1 Mei 2009 (Pekeliling KPK Bil 5/2009 Garispanduan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan).

SULIT

JAKIM

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI

BORANG PEMAKLUMAN KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN HIV

BAHAGIAN 1 : (DIISI OLEH BAKAL PENGANTIN)

Saya
alamat
no. Kad Pengenalan / no. Pasport no. telefon
dengan ini bersetuju secara sedar dan tanpa sebarang paksaan memaklumkan keputusan tersebut kepada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Daerah/Negeri di mana saya mengemukakan permohonan kebenaran berkahwin.

Tarikh :

.....
Tandatangan Bakal Pengantin

BAHAGIAN 2 : (DILENGKAPKAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)

Klinik Kesihatan :
Saya dengan ini mengesahkan bahawa penama di atas telah menjalani ujian saringan HIV di klinik ini pada tarikh dan keputusan ujian adalah seperti berikut:

Reaktif

Tidak reaktif

Tarikh :

.....
Tandatangan Nama &
Cap Pengamal Perubatan Kerajaan

BAHAGIAN 3 : (DILENGKAPKAN OLEH PENDAFTAR NCR- UNTUK KES TERTENTU SAHAJA)

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah:
Saya telah menjalankan khidmat nasihat dan MAMAT BIN HALIM membuat keputusan untuk:

Meneruskan Perkahwinan

Tidak Meneruskan Perkahwinan

Tarikh :

.....
Tandatangan Nama & Cap Pendaftar /
Cap Rasmi Jabatan

**Catatan : (i) Tandakan (✓) dan * potong yang tidak berkenaan.
(ii) Sah laku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ujian dijalankan.



Borang JAKIM- 14 September 2017 (Surat edaran: JAKIM. KSK/PK.600-6 Jld.14(57)).

- 1.1 'Borang Persetujuan Pemakluman Ujian Saringan HIV' yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) **tidak akan digunakan** lagi di Klinik Kesihatan.
- 1.2 Bakal pengantin yang ingin menjalani ujian saringan HIV pra perkahwinan di Klinik Kesihatan dikehendaki mengisi '**Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01 /09 PIND.01/2020**'.
 - Borang yang dibuat pindaan ini telah disemak oleh PUU
 - Secara dasarnya telah dipersetujui bersama oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) di Mesyuarat Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk kali 42/2020 pada 6-7 Oktober 2020.
- 1.3 Borang ini hendaklah disediakan dalam bentuk **dua (2) salinan**. Salinan asal untuk pesakit dan salinan pendua adalah untuk simpanan di Klinik Kesihatan.
- 1.4 Setiap borang perlu **mempunyai nombor rujukan tersendiri** bagi mengelakkan sebarang duplikasi oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Nombor rujukan ini juga perlu direkodkan di dalam kad rawatan pesakit bagi memudahkan rujukan dibuat pada masa hadapan.

Borang KKM- 1 Mei 2009 (Pekeliling KPK Bil 5/2009 Garispanduan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan).

Borang JAKIM- 14 September 2017 (Surat edaran: JAKIM. KSK/PK.600-6 Jld.14(57)).



SULIT

BORANG KKM/HIV/SPP01/09 PIND.01/2020

NO. RUJUKAN: _____



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

BAHAGIAN 1: (DIISI OLEH PEMOHON)

Saya _____
(Nama bakal pengantin)

Alamat _____
(Alamat semasa)

No. Kad Pengenalan/ No. Pasport _____

No.Tel _____ dengan ini **BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani ujian saringan HIV dan ujian-ujian lain yang berkaitan, memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.

Tarikh :

**Tandatangan :
(Pemohon)**

BAHAGIAN 2: (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)

Klinik Kesihatan _____

Saya, Pengamal Perubatan seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa ujian saringan HIV telah dilakukan terhadap Encik/ Cik _____
(Nama bakal pengantin)
di klinik ini dan keputusannya adalah _____
(Sila nyatakan)

Tarikh :

**Tandatangan :
(Pengamal Perubatan)**

Nama & Cop Jawatan:

(Nota: Tempoh sah laku pengesahan ujian saringan HIV adalah selama 6 bulan dari tarikh ujian saringan dilakukan)

- 1.5 Pada peringkat permulaan, 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020' perlu disediakan secara manual oleh Klinik Kesihatan dalam dua (2) salinan, menggunakan nombor pendaftaran pesakit (*patient's RM*) di Klinik Kesihatan.
- 1.6 Apabila Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) dan JHEAIN telah dikemaskini kelak, pemohon (bakal pengantin) boleh memuat turun sendiri serta mencetak borang dalam dua (2) salinan sebelum beliau hadir ke Klinik Kesihatan untuk menjalani ujian saringan HIV.

SULIT

BORANG KKM/HIV/SPP01/09 PIND.01/2020

NO. RUJUKAN: _____



2 salinan
Nombor pendaftaran pesakit

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN

BAHAGIAN 1: (DIISI OLEH PEMOHON)

Saya _____
(Nama bakal pengantin)

Alamat _____
(Alamat semasa)

No. Kad Pengenalan/ No. Pasport _____ *Persetujuan bakal pengantin*

No. Tel _____ dengan ini **BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani ujian saringan HIV dan ujian-ujian lain yang berkaitan, memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.

Tarikh :

Tandatangan :
(Pemohon)

BAHAGIAN 2: (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)

Klinik Kesihatan _____

Saya, Pengamal Perubatan seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa ujian saringan HIV telah dilakukan terhadap Encik/ Cik _____
(Nama bakal pengantin)

di klinik ini dan keputusannya adalah _____
(Sila nyatakan)

Tarikh : *Keputusan ujian di isi oleh Pegawai Perubatan,
Diserahkan kepada bakal pengantin dalam sampul surat*

Tandatangan :
(Pengamal Perubatan)

Nama & Cop Jawatan:

(Nota: Tempoh sah laku pengesahan ujian saringan HIV adalah selama 6 bulan dari tarikh ujian saringan dilakukan)

2.

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN HIV KEPADA BAKAL PASANGAN

-
-
- 2.1 Merujuk kepada surat pemberitahuan status jangkitan HIV kepada pasangan yang dikeluarkan pada 25 Januari 1997 dengan no. rujukan (23) dlm.KKM-171(99/4/8), '*partner notification*' juga terpakai kepada bakal pasangan yang akan berkahwin.
 - 2.2 Perlu ditekankan bahawa, pemberitahuan keputusan ujian saringan HIV kepada bakal pasangan perlulah dilakukan dengan cermat dan professional selaras dengan '*Malaysian Medical Council (MMC) Guidelines on Confidentiality*' di mana seseorang Pengamal Perubatan hendaklah memastikan segala data dan maklumat pesakit dilindungi serta setelah mendapat persetujuan pesakit.
 - 2.3 Pemberitahuan ini perlu dilakukan oleh Pegawai Perubatan yang mengendalikan kes tersebut dan diikuti dengan aktiviti kaunseling pra dan pasca ujian pengesahan HIV, kepada pesakit dan pasangan yang akan dikahwini.

Merujuk kepada Surat Pemberitahuan Status Jangkitan HIV Kepada Pasangan

yang dikeluarkan pada 25 Januari 1997 dengan no. rujukan (23) dlm.KKM-171(99/4/8),

'*partner notification*' juga terpakai kepada bakal pasangan yang akan berkahwin.



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
JABATAN KESIHATAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
TINGKAT 3, BLOK E, KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT
JALAN DUNGUN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR
Fax: 03-2561566
Tel: 03-2540088

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (23)dlm.KKM-171(99/4/8)
Tarikh :25 Januari 1997

Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang,
Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor,
Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya,
Kuala Lumpur

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN STATUS JANGKITAN HIV KEPADA PASANGAN (PARTNER NOTIFICATION)

Dengan segala hormatnya sukacita saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pemberitahuan status jangkitan HIV kepada pasangan yang berkenaan merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan HIV/AIDS.

3. Pemberitahuan pasangan atau ' Partner Notification ' adalah merupakan satu pendekatan 'public health' di mana pasangan seksual atau pun mereka yang berkongsi jarum suntikan dengan seseorang yang dijangkiti HIV dimaklumkan tentang kemungkinan bahawa mereka telah terdedah kepada risiko jangkitan HIV, mereka perlu diberi kaunseling berkenaan dengan pendedahannya kepada kemungkinan jangkitan HIV dan ditawarkan bentuk rawatan yang sesuai.

4. Manafaat yang diperolehi dari aktiviti ' partner notification ' ini adalah dapat mencegah jangkitan HIV dari mereka yang telah dijangkiti kepada pasangannya, dapat mengurangkan kadar penderitaan dan kematian yang berkaitan dengan jangkitan HIV/AIDS dan yang paling tinggi bagi mereka yang mengetahui status mereka dapat merancang masa depan untuk menjalani kehidupan dengan positif.

5. Pelaksanaan ' partner notification ' ini perlu dilakukan dengan cermat dan ' professional ' supaya tidak menimbulkan masalah dan kesan negatif terhadap pasangan yang berkenaan.

6. Dalam pelaksanaan aktiviti ' partner notification ' pada masa yang lalu pesakit / mereka yang dijangkiti oleh HIV diberi masa selama 2 minggu untuk memaklumkan status jangkitannya kepada pasangan mereka, terutamanya isteri / suami, dan bilamana ia gagal untuk memaklumkan kepada pasangannya dalam tempoh tersebut, perkara ini (partner notification) akan dilakukan oleh kakitangan kesihatan.

7. Pengalaman pada masa lalu menunjukkan bahawa kaedah yang diamalkan tersebut kurang memuaskan dari segi perlaksanaannya, dimana suami yang dijangkiti oleh HIV tidak memaklumkan kepada isterinya dan begitu juga sebaliknya, akibatnya jangkitan HIV terus berlaku di kalangan pasangan suami isteri dan juga dikalangan penagih-penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.

8. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti 'partner notification' ini dan untuk memastikan pelaksanaannya mencapai tujuan yang dimaksudkan, telah diputuskan bahawa bagi semua kes jangkitan HIV yang dikesan, pasangan-pasangan mereka perlu dimaklumkan dengan seberapa segera (sebaik-baiknya dalam masa 24 jam).

9. Pemakluman ' partner notification ' ini perlu dilakukan secara lisan oleh pegawai perubatan yang mengendalikan kes tersebut atau pun oleh lain-lain kakitangan yang difikirkan sesuai, ia perlu diikuti dengan aktiviti kaunseling kepada pasangan yang berkenaan.

10. Keputusan ini dibuat dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jangkitan HIV/AIDS dari terus berlaku, terutamanya untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti oleh HIV.

11. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diminta untuk memaklumkan keputusan ini kepada semua kakitangan di bawah jagaan Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan untuk dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

12. Di atas perhatian dan tindakan yang segera dari pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan diucapkan berbilang terima kasih.

Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

"(DATO' DR. HJ. WAN MAHMUD OTHMAN)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

s.k. - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

3.

KEMASKINI CARTA ALIR PROSEDUR UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN

MAKLUMAT PENERANGAN KEPADA BAKAL PENGANTIN BERKENAAN UJIAN SARINGAN HIV

Objektif ujian saringan HIV praperkahwinan

Objektif Umum:

Untuk membolehkan bakal-bakal pengantin mengetahui status HIV diri sendiri

Objektif Khusus:

- 1) Untuk mengesan jangkitan HIV di kalangan bakal pengantin agar tindakan pencegahan dan kawalan boleh diambil.
- 2) Untuk mencegah penularan penyakit kepada pasangan yang bakal dikahwini dan seterusnya kepada anak-anak yang bakal dilahirkan.
- 3) Untuk memberikan kaunseling dan nasihat khususnya kepada mereka yang berisiko supaya bakal pengantin dapat mengubah cara hidup kepada yang lebih sihat.
- 4) Untuk memberi penjagaan yang komprehensif meliputi aspek pencegahan, rawatan, tindak susulan, sokongan social dan rujukan jika perlu.


MAKLUMAT PENERANGAN KEPADA BAKAL PENGANTIN BERKENAAN KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN HIV

1. Ujian saringan HIV menggunakan kaedah Ujian Pantas (*Rapid Test*) merupakan salah satu cara menguji kehadiran antibodi terhadap virus HIV di dalam darah seseorang. Ianya dilakukan dengan mengambil setitis darah dari hujung jari dan diletakkan pada kit ujian pantas (Rapid Test Kit). Keputusan ujian boleh diperolehi dalam masa 15 minit.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan keputusan ujian “Tidak Reaktif” dan “Reaktif”

“**Tidak reaktif**” bermakna kit ujian tidak dapat mengesan kehadiran antibodi terhadap virus HIV di dalam darah yang diperiksa. Ada 2 kemungkinan:

- (i) Sekiranya tidak berisiko, keputusan RTK “Tidak Reaktif” boleh mengesahkan seseorang tidak dijangkiti virus HIV
- (ii) Sekiranya berisiko, keputusan RTK “Tidak Reaktif” tidak bermakna seseorang itu bebas dari dijangkiti virus HIV kerana ia masih dalam tempoh jendela (*window period*) iaitu 3 minggu hingga 6 bulan dari masa terdedahnya kepada virus HIV. Mereka ini disarankan untuk menghentikan amalan berisiko dan mengulangi ujian HIV sekurang-kurangnya 3-6 bulan kemudian bagi mengesahkan status jangkitan.

“**Reaktif**” bermakna kit ujian telah dapat mengesan kehadiran antibodi terhadap virus HIV di dalam darah yang diperiksa. Bakal pengantin dinasihatkan menjalani sesi kaunseling seterusnya bersama bakal pasangan.




Aktiviti

Pendaftaran

- Semua bakal pengantin yang datang untuk mendapatkan ujian saringan HIV pra perkahwinan perlu mendaftar di kaunter pendaftaran JPL Klinik Kesihatan (KK).
- Bakal pengantin melengkapkan maklumat dalam borang permohonan ujian.
- Biodata bakal pengantin dan faktor risiko HIV dicatat di dalam buku daftar Program Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan di KK.

Ujian Saringan HIV

- Bakal pengantin memberi persetujuan pada Borang KKM/HIV/SPP01/09 PIND.01/2020.
- Ujian saringan HIV dilakukan menggunakan kaedah ujian pantas (*rapid test*) oleh anggota KK yang telah dilatih.
- Bakal pengantin dimaklumkan tentang keputusan ujian saringan HIV oleh Pengamal Perubatan.
- Pengamal Perubatan mengisi keputusan ujian HIV sama ada 'reaktif' atau 'tidak reaktif' di dalam borang permohonan ujian.
- Keputusan ujian saringan dicatat dalam kad rawatan dan buku daftar Program Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan di KK.
- Borang permohonan ujian diserahkan kepada bakal pengantin dalam sampul surat.




Aktiviti

Kaunseling Pra Ujian Pengesahan HIV

- Sekiranya 'reaktif', bakal pengantin diberi Kaunseling Pra Ujian Pengesahan HIV bersama pasangan (dengan persetujuan bakal pengantin) oleh Pengamal Perubatan seboleh-bolehnya pada hari yang sama.

Ujian Pengesahan HIV

- Bakal pengantin menjalani ujian pengesahan HIV pada hari yang sama. Jika tidak, beri temujanji untuk pengambilan sampel darah.
- Bakal pengantin perlu diberi temujanji dalam tempoh 1-2 minggu untuk mengambil keputusan dan menjalani Kaunseling Pasca Ujian Pengesahan.




Aktiviti

Kaunseling Pasca Pengesahan HIV

- Sekiranya 'positif', bakal pengantin diberi Kaunseling Pasca Ujian Pengesahan HIV bersama pasangan (dengan persetujuan bakal pengantin) oleh Pengamal Perubatan.
- Kenalpasti faktor risiko HIV, kaedah rawatan, dan rujukan.
- Notifikasi ke Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.

Rujukan rawatan

- Bakal pengantin yang dikenalpasti HIV positif perlu dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga untuk Program Pengendalian Pesakit HIV (PPHIV) di KK atau kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit (ID) di Hospital.
- Dapatkan tarikh temujanji bagi bakal pengantin HIV positif dari klinik PPHIV di KK atau klinik ID di Hospital.



Aktiviti

Ulangi ujian saringan HIV

- Beri tarikh temujanji untuk mengulang ujian saringan HIV dalam tempoh 3-6 bulan kepada bakal pengantin yang 'tidak reaktif' atau 'negatif' jika mempunyai risiko seperti:
 - Penagih dadah atau Homoseks atau lesbian atau Transgender atau Pelacur
 - Seks dengan berbilang pasangan yang tidak dikenali atau tidak diketahui status HIV
 - Sejarah melangani pelacur
 - Mempunyai pasangan yang disahkan HIV
 - hubungan seksual tanpa perlindungan dengan penghidap HIV positif;
 - berkongsi jarum atau alat suntikan dengan penghidap HIV positif;
 - menjalani pemindahan darah atau organ yang tercemar dengan virus HIV;
 - mengalami kecederaan akibat tercucuk jarum yang tercemar dengan virus HIV
 - merupakan anak kepada wanita HIV positif

PENAMBAHBAIKAN DALAM PROSEDUR

1. Penggunaan satu borang yang selaras iaitu Borang KKM/HIV/SPP 01/09 Pind. 01/2020.
2. Borang disediakan dalam 2 salinan, mempunyai no rujukan (no RN) serta SULIT. No rujukan (no RN) dicatatkan dalam kad rawatan untuk rujukan di masa hadapan (*medicolegal*)
3. Mendapatkan persetujuan bertulis daripada bakal pengantin untuk i) menjalani ujian saringan HIV dan lain-lain ujian yang berkaitan, ii) memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan iii) menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.
4. Keputusan ujian saringan HIV diberitahu kepada bakal pengantin dan dicatit di dalam kad rawatan serta buku daftar program saringan HIV pra perkahwinan di KK. Borang diserahkan kepada bakal pengantin dalam sampul surat.
5. Sekiranya 'reaktif', bakal pengantin diberi kaunseling pra ujian pengesahan bersama pasangan (dengan persetujuan bakal pengantin) oleh Pengamal Perubatan, seboleh-bolehnya pada hari yang sama.
6. Pemberitahuan keputusan ujian saringan kepada bakal pasangan perlulah dilakukan dengan cermat dan professional setelah mendapat persetujuan pesakit kerana seseorang Pengamal Perubatan hendaklah menjaga kerahsiaan dan memastikan segala data serta maklumat pesakit dilindungi.

**Sebarang pertanyaan boleh
hubungi:**

**Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan Negeri Johor**

